

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PARLIMEN KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 6.11.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 2**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penjelasan mengapa produk-produk keluaran syarikat *non-Muslim* yang dibenarkan menggunakan nama dan lambang seperti masjid, Kaabah, bulan sabit, bintang, simbol atau tulisan yang boleh dikaitkan dengan Islam sedangkan ianya boleh mengelirukan pembeli daripada kalangan umat Islam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Di bawah bidang kuasa Kementerian ini, tiada undang-undang khusus yang melarang penggunaan nama dan lambang seperti masjid, Kaabah, bulan sabit, bintang, simbol atau tulisan yang boleh dikaitkan dengan Islam. Walau bagaimanapun, sekiranya produk-produk keluaran *non-muslim* yang tidak memperolehi pensijilan halal dan menggunakan nama atau lambang yang merujuk kepada agama Islam, Kementerian boleh menyiasat dan mengambil tindakan kes berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.
  
2. Asas kepada tindakan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah bagi memastikan produk makanan atau premis

makanan yang menggunakan perbahasaan halal adalah disahkan halal oleh badan berkuasa berwibawa iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri, bukanlah bagi memastikan ianya dimiliki oleh orang Islam semata-mata.

3. Tidak semua nama dan perlambangan seperti kubah, bulan, bintang dan tulisan jawi pada produk makanan boleh terus dikaitkan dengan agama Islam atau halal dan seterusnya mengambil tindakan kes ke atas syarikat *non-muslim*. Hal ini kerana, penggunaan nama dan perlambangan tersebut masih terbuka kepada tafsiran yang lain selain daripada agama Islam atau halal. Sebagai contoh ejaan nama syarikat dalam tulisan jawi yang tidak mengaitkan bahawa produk yang dijual adalah halal.
4. Namun begitu, seandainya penggunaan nama dan perlambangan pada sesuatu produk makanan itu memberi indikasi yang boleh diertikan sebagai halal, antaranya terdapat bukti-bukti sokongan lain seperti penggunaan ungkapan '*Muslim friendly*', '*shariah compliance*', petikan terjemahan ayat Al-Quran dan sebagainya. Maka, siasatan boleh dijalankan di bawah kedua-dua Perintah Perihal Dagangan tersebut.

Sekian, terima kasih.